

**SOALAN NO.: 287**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan**  
**[Padang Serai]**

**SOALAN : Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan**  
**[Padang Serai] minta MENTERI**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan berapa kes telah disiasat dan  
didakwa antara 2012 dan 2017 berkaitan  
kezaliman dalam cara ayam dan haiwan  
ternakan disimpan, dibela atau diangkut dari  
satu tempat ke tempat yang lain.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan laporan dari tahun 2012 hingga tahun 2017, tiada kes kezaliman disiasat dan didakwa melibatkan cara ayam dan haiwan ternakan disimpan, dibela atau diangkut. Perundangan sedia ada yang diguna pakai bagi mengawal selia kezaliman haiwan bagi tempoh yang dinyatakan ini adalah mengguna pakai Akta Binatang 1953.

Namun demikian, cara ayam dan haiwan ternakan disimpan, dibela atau diangkut adalah dikategorikan sebagai kes kebajikan haiwan dan bukan perbuatan yang ditakrifkan sebagai kezaliman. Oleh itu mana-mana kes yang melibatkan kebajikan haiwan sebelum Akta Kebajikan Haiwan 2015 diperkenalkan tidak boleh disiasat menggunakan Akta Binatang 1953. Oleh yang demikian, tiada kes kezaliman disiasat dan didakwa dari tahun 2012 hingga 2017.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 pula ada menyediakan kedua-dua peruntukan kes kebajikan haiwan serta penganiayaan terhadap haiwan. Tarikh permulaan kuat kuasa Akta Kebajikan Haiwan 2015 adalah bermula pada 1 Julai 2017. Peraturan-peraturan kebajikan haiwan di bawah Akta ini dijangka akan diwartakan pada penghujung tahun 2017. Oleh itu mana-mana kes yang melibatkan cara ayam dan haiwan ternakan disimpan, dibela atau diangkut boleh dijadikan kes siasatan apabila peraturan-peraturan kebajikan haiwan telah diwartakan kelak.